



Rujukan Kami : SMAPG 700-10/2(6)

Tarikh : 14 November 2021

Ibu bapa/Penjaga
Murid Tingkatan 1, 2, 3 & 4
Sekolah Menengah Agama Pekan Gurun
08300 Gurun, Kedah.

Tuan,

PENDAFTARAN MASUK MURID TINGKATAN SATU, DUA TIGA DAN EMPAT KE ASRAMA.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan pembukaan sekolah bagi Fasa 4 PPN Negeri Kedah ditetapkan pada 21 November 2021. Sehubungan ini, pihak sekolah telah menetapkan pendaftaran masuk ke asrama pada tarikh **20 November 2021 (Sabtu)** seperti berikut :

Bil	Masa	Kelas
1	9.00 pagi – 10.00 pagi	Tingkatan 1
2	10.00 pagi – 11.00 pagi	Tingkatan 2
3	11.00 pagi – 12.00 tengah hari	Tingkatan 3
4	12.00 tengah hari – 1.00 petang	Tingkatan 4

3. Sehubungan itu pihak sekolah memohon kerjasama ibu bapa/penjaga untuk mematuhi SOP seperti di bawah :-

- 3.1 Hanya **seorang waris** bersama murid yang **sihat sahaja** hadir untuk pendaftaran asrama. Murid yang kurang sihat atau mengalami gejala kurang sihat seperti batuk, selesema tidak dibenarkan hadir ke sekolah/ asrama.
- 3.2 Kenderaan waris murid perempuan **dibenarkan masuk melalui pintu utama** dan berhenti sebentar di Dewan Terbuka sekolah untuk menurunkan anak masing-masing seterusnya bergerak ke tempat letak kereta di **Dataran Asrama Puteri** . Setelah anak / jagaan selesai menjalani ujian sendiri Covid – 19, maka waris boleh menurunkan barang kelengkapan murid.
- 3.3 Kenderaan waris murid lelaki **dibenarkan masuk melalui pintu asrama putera** dan menunggu di tempat letak kereta padang sekolah, sementara menunggu anak menjalani ujian sendiri Covid – 19, sebelum menurunkan barang kelengkapan murid.
- 3.4 Waris **tidak dibenarkan turun** semasa menurunkan anak. Jika keputusan **ujian sendiri Covid-19 murid didapati positif** , waris akan membawa pulang dan menguruskan rawatan anak.

- 3.5 **Lawatan waris dan 'Outing'** murid asrama tidak dibenarkan. Kiriman barang kepada murid juga tidak dibenarkan kecuali untuk kes kecemasan.
- 3.6 Murid dikehendaki membawa kelengkapan individu seperti sejadah dan lain-lain. Sila rujuk lampiran 1.
- 3.7 Para waris boleh menonton video penataran SOP pembukaan sekolah 3.0 saluran youtube SMAPG TV untuk memperoleh maklumat terperinci.
4. Para waris diingatkan agar dapat memastikan potongan rambut anak pendek dan memakai pakaian baju batik asrama semasa pulang ke asrama. Kerjasama daripada pihak tuan /puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih .

Sekian,

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENDIDIKAN CEMERLANG, KEDAH TERBILANG"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD NOR AZAM BIN AHMAD)

Pengetua,
SMA Pekan Gurun
08300 Gurun Kedah.

SENARAI BARANGAN PERIBADI YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH MURID :

1. BARANGAN YANG WAJIB @ PERLU DIBAWA OLEH SETIAP ORANG MURID.

1.1 **SEJADAH SOLAT** : Setiap murid perlu membawa sejadah solat peribadi dan tidak boleh dikongsi dengan murid lain.

1.2 **KAIN SAPU TANGAN KECIL @ TISU LEMBAB** : Untuk tujuan membersihkan meja individu di kelas selepas digunakan setiap hari.

1.3 **PELITUP SEPARUH MUKA 3 LAPIS** berwarna biru @ putih dalam jumlah yang sesuai.

2. BARANGAN YANG AMAT DIGALAKKAN MURID MEMBAWANYA.

2.1 **CECAIR HAND SANITIZER** individu .

2.2 **Vitamin C** atau suplemen tambahan untuk kesihatan yang bersesuaian.